☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 30/4/2012
Hari: KHAMIS M/S: H3
Ruangan: HP

FESTIVAL filem iktiraf hasil kerja pelajar.

UiTM hos festival filem pelajar

UNIVERSITI Teknologi MARA (UiTM) bersama dengan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) menganjurkan Festival Filem & Video Pelajar kesembilan (FFVP9) selama tiga hari bermula 21 Jun depan.

Diadakan di kampus induk Shah Alam, festival tahun ini diibaratkan sebagai sirih pulang ke ganggang bagi UiTM yang menganjurkan acara itu yang pertama pada tahun 2003.

Tahun lalu FFVP dianjurkan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, Kedah.

Mengangkat tema Anjakan Ke Arah Transformasi yang membawa pengertian memupuk kepada penghasilan karya yang lebih kreatif dan dinamik berlandaskan transformasi negara, tema itu dilihat sebagai satu pemangkin ke arah perubahan yang positif dalam penghasilan karya lebih kreatif dan melahirkan generasi cendekiawan filem yang bersedia menerima transformasi.

Pengarah Jawatankuasa Perhubungan Awam dan Protokol, Datin Noraini Ahmad Shariff berkata, transformasi itu dapat dilihat dari pelbagai aspek yang membabitkan teknologi penerbitan, kepelbagaian budaya, perpaduan dan ekonomi yang seterusnya dapat mendokong ke arah pembangunan industri perfileman dan gagasan nasional.

Festival yang bermatlamat mengiktiraf dan memberi penghargaan terhadap hasil kerja pelajar menerusi filem yang mengambil bahagian ini akan dipertandingkan menerusi tujuh kategori iaitu kategori filem dan video pendek, filem dan video dokumentari, filem dan video eksperimental, filem dan video animasi, filem dan video iklan, filem dan video hebahan khidmat awam (PSA) serta video klip.

Kepada yang berminat, penyertaan boleh dihantar ke alamat Urusetia (Jawatankuasa Penyertaan dan Penjurian), Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia Ke-9 (FFVPM9), Fakulti Filem, Teater dan Animasi, UiTM, Kampus Puncak Perdana, Blok 6, Jalan Pulan Angsa (U10/14), 40150, Shah Alam atau menghubungi 0379622410/2414.

Untuk keterangan lanjut hubungi laman sesawang, www.ffvpm9.uitm.edu.my.